



**KURSUS SIJIL PERHUTANAN
INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berminat untuk mengikuti Kursus **Sijil Perhutanan Renjer Hutan** dan **Sijil Perhutanan Pengawas Hutan** di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

1. TEMPOH PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN

(i) Tempoh pengajian dan kelayakan akademik yang diperlukan adalah seperti berikut:

KURSUS	TEMPOH KURSUS	KELAYAKAN AKADEMIK
Sijil Perhutanan Renjer Hutan	4 semester (Sesi 2023-2025)	Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya serta: i. Kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; ii. Kredit mana-mana mata pelajaran Sains; iii. Lulus mata pelajaran Matematik; iv. Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris
Sijil Perhutanan Pengawas Hutan	2 semester (Sesi 2023-2024)	Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya serta: i. Kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; ii. Lulus mata pelajaran Matematik; dan ii. Lulus mana-mana mata pelajaran Sains;

- (ii) Calon-calun hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh permohonan ditutup.
- (iii) Anggota Tentera dan Polis yang telah menamatkan perkhidmatannya dan Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat juga boleh memohon setelah mendapat kululusan Ketua Jabatan masing-masing.
- (iv) Calon-calun hendaklah sihat tubuh badan dan tidak mempunyai kecacatan anggota.

2. MAKLUMAN

- (i) Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) tidak menjamin apa-apa jawatan setelah tamat kursus.
- (ii) Calon-calun yang sedang mengikuti kursus di FORTRAIN tidak boleh berhenti tanpa kelulusan pihak berkuasa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Jika berlaku pelanggaran ini, calon dikehendaki membayar balik semua perbelanjaan yang ditanggung semasa pengajian kepada Kerajaan Malaysia.

3. PERMOHONAN

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati dengan percuma daripada Pejabat Bahagian Latihan Perhutanan seperti alamat dibawah;

Bahagian Latihan Perhutanan,
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,
52100 Kepong, Kuala Lumpur.

atau

di mana-mana Jabatan Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah di Semenanjung Malaysia
atau boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
<https://www.forestry.gov.my>

- (ii) Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti dia para 3(i).
- (iii) Permohonan juga boleh dilakukan secara atas talian melalui laman web
<https://sso.forestry.gov.my>

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **9 Jun 2023 (Jumaat)**. Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas 1 bulan dari tarikh tutup permohonan ini adalah dianggap tidak berjaya.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada Bahagian Latihan Perhutanan atau FORTRAIN di talian telefon 03-6277 0856/ 03-6277 0847/ 03-6277 8741/ 03-6274 0572.